

29 MAY 2001

Syed Razak-Nafi

SYED RAZAK NAFI TERIMA MEMORANDUM BANTAHAN 114 KETUA CAWANGAN UMNO

BUKIT KAYU HITAM, 29 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini menafikan menerima memorandum bantahan daripada 114 ketua cawangan Umno di bahagian Baling berhubung pelantikan Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman sebagai ketua bahagian itu.

"Mereka tidak menyerahkan apa-apa kepada saya. Surat, memorandum, apa-apa pun tidak ada diserahkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat projek Kota Perdana di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini bahawa 114 ketua cawangan Umno di Baling menyerahkan memorandum itu pada perjumpaan beliau dengan jawatankuasa bahagian itu semalam.

Jurucakap kumpulan itu, Wan Mahmud Wan Ibrahim berkata semalam bahawa mereka membantah keputusan parti untuk melantik Raja Ariffin menggantikan Datuk Zainol Md Isa yang dilucutkan jawatan selepas didapati bersalah terlibat dalam politik wang kerana pelantikan itu bercanggah dengan perlembagaan Umno.

Wan Mahmud yang juga Ketua Cawangan Umno Kampung Tiak dan anggota jawatankuasa bahagian, berkata mengikut Fasal 15.7 perlembagaan Umno, jawatan ketua bahagian hendaklah dipangku oleh timbalan ketua atau naib ketua, jika ketua tidak dapat menjalankan tugas kerana dipecat, uzur atau meninggal dunia.

Syed Razak menolak andaian yang pelantikan Raja Ariffin menjadi isu dalam Umno di bahagian berkenaan berdasarkan sambutan yang diterimanya ketika perjumpaan itu semalam.

"Namun, ada anggota Umno yang membangkitkan soal pelantikan itu tetapi saya sudah menjelaskan. Semua anggota Umno di Baling harus menerima keputusan Majlis Tertinggi itu," katanya.

Beliau berkata Raja Ariffin sudahpun menerima salinan surat pelantikannya sebagai ketua bahagian dan surat asal akan menyusul kemudian.

Pada persidangan pemilihan Umno bahagian berkenaan bulan lepas, Zainol menewaskan Raja Ariffin selaku penyandang jawatan ketua bahagian.

Ketika dihubungi hari ini, Wan Mahmud kesal kerana Syed Razak tidak mengakui menerima memo berupa surat bantahan yang diserahkan kepadanya semalam.

Katanya beliau menyerahkan surat bantahan mengenai pelantikan Raja Ariffin itu kepada Syed Razak di pintu masuk bangunan Umno Baling selepas majlis perjumpaan dengan jawatankuasa bahagian itu semalam.

"Saya memang serah surat itu kepada Menteri Besar sendiri kira-kira pukul 3 petang selepas majlis itu selesai dan saya sangat kesal kalau dia tak baca surat itu," kata Wan Mahmud.

Bagaimanapun, beliau mengakui surat bantahan yang diserahkan kepada Menteri Besar itu cuma satu surat salinan yang asalnya telah dihantar tiga hari lepas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno.

-- BERNAMA
MNH MAN MAI